




فَيْرِزْدَانِ كَلَنْتَانِ كَوْنِ اِقْتِصَادِي كَلَنْتَانِ

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION



LAPORAN TAHUNAN 2008

KANDUNGAN

Contents

MISI & FALSAFAH KORPORAT <i>Corporate Mission And Philosophies</i>	2
AHLI LEMBAGA PENGARAH <i>Board of Directors</i>	4
STRUKTUR ORGANISASI PKINK <i>PKINK Organisation Structure</i>	6
KUMPULAN PENGURUSAN <i>Management Team</i>	8
PERUTUSAN PENERUSI <i>Chairman's Statement</i>	10
PERISTIWA KORPORAT <i>Corporate Event</i>	30
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 <i>Financial Statements for the year Ending 31st December 2008</i>	45

MISI KORPORAT

Corporate Mission

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.

A corporate body is responsible for steering the development and growth of Kelantan, in accordance with Islamic principles for the welfare of mankind.

FALSAFAH KORPORAT

Corporate Philosophy

Membina sebuah kumpulan yang teguh, dinamik dan berdayasaing untuk menerajui pembangunan ekonomi negeri.

Build a strong team, to lead a dynamic and competitive economic development.

Mencetus, melaksana dan mengembangkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang berdaya maju bagi menjamin daya hidup kumpulan.

Triggers, implement and develop economic activities viable in order to ensure the survival.

Mengoptimumkan sinergi melalui pengembelengan sumber asli dan kewangan serta sumber manusia

Optimize synergies through combination of natural resources, finance and human resources

Melahirkan tenaga insan yang berkualiti untuk kepentingan kumpulan khususnya dan Ummah amnya dengan mewujudkan suasana dan peluang yang menjamin pembangunan kerjaya.

Produce quality human capital for the benefit of Ummah in particular and generally to create a secure environment and opportunities for career development

Menerima pakai amalan-amalan pengurusan sejagat yang terbukti keunggulan dan menggunakan teknologi terbaik bagi menjamin keterampilan pengurusan serta keberkesanan kos.

Adoption of universal management practices and the proven benefits of using the best technology and management skills to ensure cost effectiveness.



PENGERUSI
Chairman

YAB TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT
MENTERI BESAR KELANTAN
CHIEF MINISTER OF KELANTAN

AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Pengerusi

Chairman

1 YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat

Menteri Besar Kelantan
Chief Minister of Kelantan

Timbalan Pengerusi

Deputy Chairman

2 YB Dato' Haji Ahmad bin Yakob

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Deputy Chief Minister of Kelantan

Ahli

Member

3 YB Dato' Haji Mohd Aiseri bin Haji Alias

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Secretary of State

4 YB Dato' Haji Shkori bin Mohamed

Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
State Financial Officer

5 YB Dato' Haji Husam bin Musa

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan
Members of the Council of State Government

6 YB Haji Zulkifli Mamat

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan
(Sehingga 30 Mac 2008)
*Members of the Council of State Government
(Until 30th March 2008)*

7 YB Dato' Haji Anuar Tan bin Abdullah

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan
(Mulai 2 April 2008)
*Members of the Council of State Government
(From 2nd April 2008)*

**8 YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Samad
bin Haji Alias**

Ahli Pemiagaan
Business Members

9 YBhg. Datuk Haji Rameli bin Musa

Ahli Pemiagaan
Business Members

10 YBhg. Tuan Haji Azmi bin Mohd Ali

Ahli Pemiagaan
Business Members

11 YBhg. Datuk R. Karunakaran Ramasamy

Ketua Pengarah MIDA (Sehingga 13 Jun 2008)
MIDA Director-General (Until 13th June 2008)

12

YBhg. Dato' Jalilah binti Baba

Ketua Pengarah
Malaysia Industrial Development Authority (MIDA)
(Mulai 1 November 2008)
*Director General
Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)
(From 1st November 2008)*

13

YBrs. En. Haji Awang bin Che Seman

Timbalan Setiausaha
Kementerian Kewangan Perbendaharaan Malaysia
(Sehingga 14 November 2008)
*Deputy Secretary
Ministry of Treasury and Financial of Malaysia
(Until 14th November 2008)*

14

YBrs. Encik Mat Rani bin Saud

Timbalan Setiausaha
Kementerian Kewangan Perbendaharaan Malaysia
(Mulai 1 November 2008)
*Deputy Secretary
Ministry of Treasury and Financial Of Malaysia
(From 1st November 2008)*

15

YBrs. En. Zainuddin bin Ahmad

Kementerian Pembangunan
Usahawan dan Koperasi (Sehingga 30 Oktober 2008)
*Ministry of Entrepreneurs and Co-operative
Development (Until 30th October 2008)*

16

YBrs. Encik Yusuf bin Mahadi

Kementerian Pembangunan
Usahawan Dan Koperasi (Mulai 1 November 2008)
*Ministry of Entrepreneurs and Co-operative
Development
(From 1st November 2008)*

AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



1



2



3



4



5



6



7



8



9



10



11



12



13



14




15




16

STRUKTUR ORGANISASI PKINK

KSEDC ORGANIZATION STRUCTURE





KETUA EKSEKUTIF
Chief Executive

HAJI WAN YAHYA BIN WAN SALLEH

KUMPULAN PENGURUSAN PKINK

MANAGEMENT TEAM


- 1 **YABrs. Hj. Wan Yahya Wan Salleh**
Ketua Eksekutif Kumpulan - sehingga 30/11/2008
Group Chief Executive until 30/11/2008
- 2 **YABrs. Hj. Mohd Sabri Bin Abdullah**
Ketua Eksekutif Kumpulan - bermula 1/12/2008
Group Chief Executive from 1/12/2008
- 3 **YBrs. Hj. Mohamad Alwi Ya**
Timbalan Ketua Eksekutif
(Perancangan & Pembangunan) - sehingga 19/11/2008
*Deputy Chief Executive (Planning & Development)
until 19/11/2008*
- 4 **YBrs. Hj. Wan Adnan Wan Abd. Kadir**
Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehtwal Korporat)
Deputy Chief Executive (Corporate Affairs)
- 5 **YBhg. Datin Hj. Rosneli Kundor**
Pengurus Kewangan
Finance Manager
- 6 **YBrs. Pn. Nik Farzimar Nik Omar**
Pengurus Perancangan Korporat
Corporate Planning Manager
- 7 **YBrs. Hj Zainal Ab. Rahim**
Pengurus Khidmat Teknikal
Technical Services Manager
- 8 **YBrs. Hj. Mohamad Alwi Ya**
Pengurus Pembangunan Usahawan - Sehingga 13/11/2008
Entrepreneurship Development Manager - As of 13/11/2008
- 9 **YBrs. Hj. Mohamad Razali B. Deraman**
Pengurus Audit Dalam dan Naziran
Audit and Inspection Manager
- 10 **YBrs. Hj. Baharuddin Harun**
Pengurus Galakan Industri dan IKS
Industry and SME Promotion Manager
- 11 **YBrs. Hj. Mohamed Ismail**
Pengurus Projek dan Hartanah - Sehingga 19/11/2008
Property Project Manager As of 19/11/2008
- 12 **YBrs. Hj. Nik Mohamed Kamal Nik Yusoff**
Pengurus Pengurusan Sistem Maklumat
Manager of Information System Management
- 13 **YBrs. Mohd. Fauzi Hj. Taib**
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
Sehingga 15/01/2008
*Manager of Human Resource Management
As of 15/01/2008*
- 14 **YBrs. Ahmad Nazri b. Ismail**
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia - Mulai 16/01/2008
*Manager of Human Resource Management
Effective 16/01/2008*
- 15 **YBrs. Hj. Md Sanusi Ismail**
Pengurus Perdagangan Antarabangsa
International Trade Manager

1



2





PERUTUSAN PENGERUSI

Chairman's Statement

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Yang Maha Berkuasa memiliki Kerajaan Langit dan Bumi serta selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad S.A.W.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan restu dan limpah izin-Nya saya mewakili Ahli-ahli Lembaga Pengarah PKINK dengan berbesar hati membentangkan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan PKINK yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008.

Ekonomi Negara sepanjang tahun 2008 mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% dalam keadaan kegawatan kewangan antarabangsa dan kemerosotan dalam persekitaran ekonomi global. Fenomena ini telah memberikan impak yang negatif terhadap prestasi eksport negara, terutama pada separuh tahun kedua akibat dari pembetulan dalam harga komoditi. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi negara disokong oleh permintaan dalam negeri yang teguh, terutamanya penggunaan swasta yang mampan dan perbelanjaan awam yang kukuh.

Tekanan inflasi kesan daripada kenaikan harga minyak dan makanan yang dialami oleh sesetengah negara maju dan beberapa negara membangun turut memberi impak kepada inflasi dalam negara, pertumbuhan ekonomi serta perbelanjaan pengguna. Walaupun begitu, ekonomi negara memperolehi manfaat berikutan peningkatan mendadak harga komoditi pada separuh pertama 2008, sebahagiannya disebabkan permintaan yang teguh dan jangkaan permintaan yang lebih tinggi daripada ekonomi sedang pesat membangun serta peningkatan pelaburan. Namun, penurunan permintaan, kegawatan kewangan yang lebih buruk pada separuh kedua 2008, serta pelupusan kedudukan panjang (long position) yang ketara oleh pelabur dan penarikan balik pembiayaan oleh institusi kewangan telah menyebabkan harga beberapa komoditi merosot dengan ketara daripada paras puncaknya pada separuh pertama 2008. Situasi ini telah memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi serta kuasa beli rakyat Kelantan.

Dalam usaha untuk mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri turut memberikan kerjasama penuh dalam menjayakan projek-projek yang telah dirancang dan mendapat peruntukan dibawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan serta projek-projek dibawah Plan Induk Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region (E.C.E.R)) yang akan menjadi pemacu kepada pembangunan ekonomi Negeri Kelantan. Dibawah kedua-dua perancangan ini, rangkaian perhubungan di

Alhamdulillah, all praise be to Allah, God Almighty has the Government of Heaven and Earth, and blessings and peace to the noble Lord, the Prophet Muhammad SAW.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

The highest gratitude to Allah SWT for His blessings and His grace, I represent the members of the Board of Directors of PKINK is pleased to present the Activity Report and Financial Statements of PKINK audited for the financial year ending on December 31, 2008.

Economy in 2008 grew by 4.6% in the international financial crisis and downturn in global economic environment. This phenomenon has a negative impact on export performance, especially in the second half as a result of the correction in commodity prices. However, country economic growth was supported by strong domestic demand, particularly private consumption and public spending was still strong.

Inflationary pressure from the impact of the rising of oil and food prices caused by some developed countries and some developing countries also have an impact on domestic inflation, economic growth and consumer spending. However, the economic benefit due to sharp increase in commodity prices in the first half of 2008, partly due to strong demand and expectations of higher demand from emerging economies and increasing investment. However, the reduction in demand, the financial crisis that is worse in the second half of 2008, as well as the disposal of long position is marked by the investor and the withdrawal of funding by financial institutions has resulted in some commodity prices declined significantly from peak levels in the first half of 2008. This situation has affected economic growth and the purchasing power of the people of Kelantan.

In an effort to accelerate the rate of growth of domestic economy, the State Government was giving full cooperation to the success of the projects that were planned and allocated under the Ninth Malaysia Plan and the projects under the Master Development Plan of the East Coast Economic Region (ECER) which will be the leader of State economic development. Under both plans, the network of relations in this country will be repaired, upgraded and added.

negeri ini akan dibaiki, dinaiktaraf dan ditambah. Tumpuan kegiatan ekonomi Negeri Kelantan kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan serta sokongan dari pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang tinggi baik masyarakat setempat, pelancongan domestik dan asing, telah berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Malah, menurut Plan Induk ECER, sektor perkhidmatan (yang turut merangkumi industri pelancongan dan hospitaliti) dijangkakan akan menyumbang lebih RM9 billion kepada KDNK Negeri Kelantan.

Sub-sektor keusahawanan memang secara tradisi lagi menyumbang kepada perkembangan ekonomi Negeri Kelantan, termasuklah sub-sektor Industri Kecil dan Sederhana. Untuk tahun-tahun yang akan datang, ianya dijangka akan terus mencatat pertumbuhan positif terutamanya apabila Taman Halal PKINK di Mukim Apam Pasir Mas dimaterialisasikan dibawah Plan Induk ECER dan Rancangan Malaysia Ke10.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan di Kelantan dirancakkan lagi dengan aktiviti syarikat-syarikat Kumpulan Permodalan Kelantan Berhad yang melibatkan Infra Quest, Ar-Rahn, An-Nisa dan Ascii Line.

Perkembangan positif dalam pelbagai aktiviti pertanian termasuk akuakultur, horikultur dan ternakan telah meningkatkan pertumbuhan dalam sektor pertanian dan bidang ini dikenalpasti berpotensi besar untuk diterokai secara usahasama oleh pelabur swasta, samada diperingkat hulu atau hiliran.

Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad turut gigih membangunkan tanah-tanah pertanian terbiar dengan mengusahakan ternakan kambing, ladang fertigasi dan penanaman padi.

Aktiviti pembinaan dan pembangunan hartanah kekal utuh di Negeri Kelantan ini, terutamanya dalam subsektor kediaman mewah, perumahan kos rendah dan mampu milik dan perumahan kos sederhana dijangka dapat meningkatkan industri pembinaan dalam negeri. Peranan ini dimainkan secara aktif oleh Syarikat Kumpulan PKINK iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd serta SPP Development Sdn Bhd.

Pihak Kerajaan telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada PKINK sebagai agensi pembangunan ekonomi negeri Kelantan. PKINK telah dipertanggungjawabkan untuk memajukan ekonomi Negeri Kelantan dalam bidang yang berpotensi sekaligus memajukan ekonomi rakyat Kelantan.

Dalam menjalankan fungsinya, gandingan mantap bersama sektor awam, sektor swasta dan setiap genap lapisan masyarakat di samping penghayatan budaya kerja dan tadbir urus yang cekap, cemerlang dan telus berupaya memandu PKINK mencapai visi dan falsafah korporatnya bagi memastikan kejayaan berterusan di masa akan datang.

State economic activities focus on the services sector and manufacturing and support of high growth in consumer spending both the local community, domestic and foreign travels, was able to stimulate greater economic growth. In fact, according to the ECER Master Plan, the services sector (which includes tourism and hospitality industries) was expected to contribute more than RM9 billion to State's GDP.

Sub-sector is traditionally more entrepreneurial in contributing to the economic development of the State, including the sub-sector, Small and Medium Enterprises. For years and years to come, it is expected to record positive growth, especially when PKINK Halal Park in Mukim Apam Pasir Mas materialized under ECER Master Plan and the 10th Plan.

Growth in the services sector in Kelantan is added with activities by companies under Kumpulan Permodalan Kelantan Berhad involving Infra Quest, Ar-Rahn, An-Nisa and Ascii Line.

Positive developments in various agricultural activities including aquaculture, livestock horiculture and increased growth in the agricultural sector and identified areas of this great potential to be explored jointly by private investors, both at the upstream or downstream. Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad is also working hard to develop abandoned agricultural lands with goats, fertigation and planting rice plantation

Construction and property development activity remains strong in this State, especially in the luxury residential sub-sector, low-cost housing and affordable housing and medium-cost housing is expected to increase the domestic construction industry. This is important role is played by Syarikat Kumpulan PKINK subsidiaries which are Binaraya PKINK Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd, Impian Profil Sdn Bhd and SPP Development Sdn Bhd.

The Government has placed high confidence on the economic development agency PKINK Kelantan. PKINK is responsible for developing the State economic potential in economic development as well as the people of Kelantan. In carrying out its functions, coupled with strong public sector, private sector and all levels of society even as well as appreciation of the work culture and governance that is efficient, transparent and capable of driving excellence PKINK achieve its corporate vision and philosophy to ensure continued success in the future.

PRESTASI KEWANGAN

FINANCIAL PERFORMANCE

PERBADANAN

CORPORATION

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 pendapatan dari operasi Perbadanan adalah berjumlah RM15.933 juta berbanding tahun 2007 berjumlah RM20.142 juta. Variasi penurunan sebanyak RM4.209 juta ini telah dipengaruhi oleh kemerosotan jualan perumahan sebanyak RM4.120 juta dan hasil perhutanan sebanyak RM0.406 juta.

Namun pendapatan dari sewaan telah meningkat sebanyak RM0.317 juta. Ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan impak penurunan tersebut. Pun begitu ia tidak mampu menghalang penurunan keuntungan kasar dari tahun 2007 sebanyak RM2.623 juta kepada RM13.507 juta pada tahun 2008.

Perbelanjaan mengurus dan kendalian juga telah meningkat sebanyak RM3.264 juta berbanding tahun 2007 kepada RM19.122 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini dipengaruhi oleh pertambahan belanja gaji dan emolument sebanyak RM0.589 juta dan peruntukan hutang ragu yang melonjak sebanyak RM1.337 juta.

Pendapatan bukan operasi tahun 2008 hanya mencatat RM3.810 juta sahaja berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM9.495 juta. Sebahagian besarnya adalah dari hutang lapuk pulih kembali berjumlah RM2.358 juta. Pendapatan dari Hibah Al-Mudarabah telah mencatat pertambahan sebanyak RM0.047 juta. Namun, pengiktirafan geran kerajaan, keuntungan penjualan aset, sewaan dan keuntungan Ar-Rahn keseluruhannya menyusut sebanyak RM5.589 juta.

Oleh kerana perbelanjaan mengurus dan kendalian yang melonjak serta pendapatan bukan operasi yang makin menyusut, ini telah membawa Perbadanan kepada kerugian bersih pada tahun 2008 berjumlah RM2.902 juta berbanding keuntungan yang diperoleh pada tahun 2007 berjumlah RM6.727 juta.

For the year ended December 31, 2008, income from operations of the Corporation amounted to RM15.933 million compared to the year 2007 amounted to RM20.142 million. Variation reduction of RM4.209 million were affected by the decline in housing sales of RM4.120 million and RM0.406 million as a result of forestry.

However, rental income increased by RM0.317 million. This will help to reduce the impact of the decline. However it is not able to prevent the decline in gross profit from the year 2007 amounting to 2.623 million to RM13.507 million in 2008.

Managing and operating expenses are also increased by RM3.264 million as compared to the year 2007 to RM19.122 million in 2008. The increase was influenced by the increased cost of salaries and emoluments of RM0.589 million and provisions for doubtful debts increased by RM1.337 million.

Non-operating income in 2008 is recorded only RM3.810 million as compared to previous year amounting to RM9.495 million. It was largely due bad debt recovery amounting to RM2.358 million. Income from Al-Mudarabah Hibah recorded an increase of RM0.047 million. However, recognition of government grants, profit sale of assets, rental and Ar-Rahn overall profit dropped by RM5.589 million.

As the managing and operating expenses increased and non-operating income more decreasing, has led the Corporation to a net loss in 2008 amounting to RM2.902 million compared to profits earned in the year 2007 amounting to RM6.727 million.

KUMPULAN

GROUP

Kumpulan PKINK telah mencatat pendapatan pada tahun 2008 sebanyak RM 224.302 juta, menurun berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 240.268 juta. Faktor utama ialah sektor hartanah yang terjejas teruk oleh kenaikan kos bahan binaan dan bahan api, serta kegawatan ekonomi yang menyusut. Sementara, pendapatan dari hasil perladangan dan sewaan masing-masing meningkat sebanyak RM9.048 juta dan RM6.164 juta. Hasil dari projek telekomunikasi juga bertambah sebanyak RM4.396 juta. Tidak ketinggalan hasil jualan balak turut mengalami pertumbuhan sebanyak RM1.548 juta.

PKINK Group recorded revenue in the year 2008 to a total of RM 224.302 million, a decrease from the previous year of RM 240.268 million. The main factor is the real estate sector badly is affected by the rising cost of construction materials and fuel, as well as the economic crisis that followed. Meanwhile, income from farming and rental revenue each increased by RM9.048 million and RM6.164 million. The revenue from telecommunication projects are also increased by RM4.396 million. Do not miss the timber sales also experienced a growth of RM1.548 million.

Kos jualan dan operasi langsung Kumpulan bukan sahaja meningkat akibat faktor yang disebutkan di atas. Ianya dibebani lagi dengan kerugian hapuskira penghutang Ar-rahn sebanyak lebih RM13 juta akibat musibah kecurian yang dialami oleh cawangan utama di Kota Bharu. Ini telah menyebabkan keuntungan kasar turut susut sebanyak RM16.538 juta dari RM84.984 juta pada tahun 2007 kepada RM68.446 juta pada tahun 2008.

Impak kemerosotan dibebani lagi oleh peningkatan dalam kos mengurus dan kendalian, serta kos kewangan, telah menyebabkan keuntungan mengucup sebanyak RM29.457 juta dari tahun 2007, menjadikan keuntungan selepas cukai kumpulan untuk tahun 2008 hanya berjumlah RM6.429 juta. Ini seterusnya menjadikan keuntungan bersih kumpulan selepas kepentingan minoriti mencatatkan jumlah RM6.079 juta bagi tahun 2008.

Cost of sales and direct the operations of the Group will not only increase due to factors mentioned above. It is burdened with the loss of Ar-Rahn receivables write-off of more RM13 millions due to theft, disaster suffered by the main branch in Kota Bharu. This has resulted in gross profit also decreased by RM16.538 million from RM84.984 million in 2007 to RM68.446 million in 2008.

The impact of the decline burdened by an increase in the cost of managing and operating and financial costs, have caused profits kissing of RM29.457 million from the year 2007, making a profit after tax for the year 2008 only amounted to RM6.429 million. This in turn makes the group a net profit after minority interest of RM6.079 million recorded total for the year 2008.

PROSPEK MASA DEPAN

Sebagai sebuah agensi pembangunan ekonomi negeri Kelantan, PKINK akan terus menambahbaik mutu dan kualiti kerja dalam semua aspek pentadbiran, sistem penyampaian serta pengurusan syarikat-syarikat Kumpulan PKINK. PKINK akan meneruskan komitmen yang tinggi bagi memberikan kesejahteraan kepada rakyat Kelantan melalui program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang akan membawa manfaat seluruhnya kepada rakyat negeri ini.

Saya dan seluruh warga PKINK akan terus melipatgandakan usaha bagi memastikan Kelantan lahir sebagai sebuah negeri yang sejahtera serta direzki Allah S.W.T hendaknya.

FUTURE PROSPECTS

As a state economic development agency in Kelantan, PKINK will continue to improve the quality of the work in all aspects of administration, delivery and management of group companies PKINK. PKINK will continue the commitment to provide welfare to the people of Kelantan through programs of Corporate Social Responsibility (CSR), which will benefit all the people of this state.

I and all citizens of PKINK will continue to redouble efforts to ensure that Kelantan will born as a state of peace and let God blessed us.

PENGHARGAAN

Bagi pihak PKINK, saya merakamkan setinggi penghargaan serta terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan serta seluruh warga kerja PKINK di atas usaha dan komitmen berterusan yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2008.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, individu serta syarikat swasta yang turut memberi sokongan serta kerjasama kepada PKINK dengan harapan agar jalinan kerjasama dapat diteruskan dan diperkukuhkan di masa hadapan.

ACKNOWLEDGEMENTS

On behalf of PKINK, I express my sincere appreciation and gratitude to members of the Board of Directors, the Management and all PKINK employees on ongoing efforts and commitment that was shown during the year of 2008. I would also like to thank the Federal Government, State Government Departments and Agencies, individuals and private companies who also provide support and cooperation to PKINK with the hope that cooperation can be continued and strengthened in the future.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

HUMAN RESOURCES MANAGEMENT DIVISION

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam menguruskan tenaga kerja bagi memastikan ianya berada ditahap kecekapan yang memuaskan dan digunakan seoptimum yang mungkin. Di samping itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan serta penyediaan latihan atau kursus yang sesuai mengikut keperluan anggota.

Dalam usaha memantap dan mempertingkatkan keupayaan serta tahap kecekapan sumber manusia dalam organisasi, PKINK sentiasa membuat semakan dalam meneliti kedudukan semua anggota terutama dari segi penempatan kerja dan keperluan bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan tugas di semua peringkat pengurusan atau pentadbiran.

Selain itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia juga terlibat dalam beberapa program bersama masyarakat yang telah dilaksanakan melalui unit perhubungan korporat bagi mengeratkan hubungan kumpulan PKINK dengan masyarakat melalui program kebajikan dan program Ihya Ramadhan bersama masyarakat.

Disamping itu, usaha mengukuhkan kerjasama dan perpaduan sesama anggota dan juga antara kakitangan bawahan dengan pihak pengurusan serta pihak kerajaan bagi membentuk dan mewujudkan budaya kerja berpasukan dan cemerlang terus dilaksanakan melalui program-program seperti majlis berbuka puasa anggota, penyertaan dalam majlis hari raya kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan, sukan persahabatan antara anggota serta bola sepak antara kumpulan PKINK. Sementara itu, dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan kepada anggota PKINK beberapa program telah disusun bagi tahun 2008 antaranya ialah ceramah keagamaan, ceramah kesihatan dan program kem bina insan kecemerlangan solat kumpulan PKINK.

Selain itu juga, anggota-anggota telah diberikan peluang untuk mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri bagi memantapkan tahap kerja dengan mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Institut Tadbiran Negara (INTAN), Pejabat Setiausaha Negeri Kelantan dan badan-badan profesional yang lain.

Division of Human Resource Management plays a key role in managing the workforce to ensure they are at satisfactory level of efficiency and used as optimum as possible. In addition, the division is also responsible for the effectiveness of administration and management and the provision of appropriate training or courses according to the needs of members.

In an effort to strengthen and enhance the capacity and efficiency of human resources within the organization, PKINK always check and review the status of all members, especially in terms of job placement and the need to ensure the appropriateness and effectiveness of the task at all levels of management or administration.

In addition, Human Resource Management Division is also involved in several joint programs which had been implemented through local community and corporate communications unit to strengthen ties with local community groups with PKINK through welfare programs and programs with community known as "Ihya Ramadhan".

In addition, efforts to strengthen cooperation and solidarity among members and between staff subordinate and management and also government in order to develop and creating culture of teamwork and excellence, continued to be implemented through programs such as breaking the fast with members, participation in the events for employees of Kelantan State Government, sports and friendly matches between members of the sports teams of PKINK. Meanwhile, in order to improve knowledge and provide exposure to members of PKINK, several programs have been compiled for the year 2008 which included religious lectures, health talks and Program Kem Bina Insan Kecemerlangan Solat Kumpulan PKINK.

In addition, members were given the opportunity to enhance their skills and ability to sustain the work through courses organized by the National Institute of Administration (INTAN), Office of the Secretary of State and other professional bodies.

BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

CORPORATE PLANNING DIVISION

Bahagian Perancangan Korporat terus memainkan peranan utamanya sebagai pemantau kepada prestasi syarikat-syarikat milik penuh atau majoriti dalam kumpulan PKINK. Ia merangkumi tugas-tugas menganalisa laporan kewangan dan operasi bulanan syarikat anak, menyediakan garis panduan belanjawan tahunan serta semakan separuh tahun dan mengadakan lawatan kerja korporat.

Pada tahun 2008, pemantauan bagi projek-projek Rancangan Malaysia Ke 9 seperti Projek Pembinaan Gerai Tok Bali Fasa II, Darulnaim Autocity dan Projek Pembinaan Pusat Pembangunan Usahawan dan PKS Makanan Halal di Mukim Apam, Pasir Mas berjalan lancar. Pada 14 Ogos 2008, bermula satu lagi projek RMK9 iaitu Projek Medan Ikan Bakar sebagai pejabat perantara PKINK dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, yang menyalurkan peruntukan geran untuk pelaksanaan projek-projek di atas.

Hasil dari kelancaran pelaksanaan projek, sepanjang tahun 2008, bahagian ini telah membuat permohonan pengeluaran peruntukan tahunan sebanyak RM 5.7 juta serta permohonan tambahan peruntukan sebanyak RM 3.6 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM 4.7 juta telah diterima oleh PKINK.

Corporate Planning Division continues to play a major role in monitoring the performance of companies wholly or majority owned by PKINK Group. It includes tasks to analyze the financial and operational monthly report of companies, providing the annual budget guidelines and review the half year financial report and organize a few corporate visits.

In 2008, it monitored projects of the 9th Malaysia Plan such as Tok Bali Stalls Construction Project Phase II, Darulnaim Autocity and Construction Projects of Halal Food Entrepreneurs and SMEs in Mukim Apam, Pasir Mas which were running smoothly. On August 14th, 2008, a project under RMK9 which is Medan Ikan Bakar act as PKINK "medium office" with the Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives, which disseminate grant to start the development of the projects. As a result of a good developmental project, in 2008, the division has made application for the production of the annual allocation of RM 5.7 million and the application of the provisions of RM 3.6 million. Of this amount, a total of RM 4.7 million has been received by PKINK.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

ENTREPRENEUR DEVELOPMENT DIVISION

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK yang telah dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sebagai Sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) peringkat Negeri Kelantan telah berjaya melaksanakan program tersebut dengan melatih dan membimbing sebanyak dua puluh empat (24) buah membabitkan 12 buah sekolah di bawah Jabatan Pelajaran Kelantan (JPN) dan 12 buah sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Dalam konteks memberi latihan dan membimbing usahawan muda, pelbagai program pengenalan dan lanjutan bagi memastikan proses pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkembang pada tahap yang sepatutnya. Program Usahawan Muda membabitkan sesi taklimat dan penerangan kepada Pengetua dan Guru Pembimbing. Seminar Ahli Lembaga Pengarah, Latihan Guru Pembimbing dan Penasihat. Seminar 'Training Of Trainers' (TOT), Konvensyen Peringkat Negeri dan

Entrepreneur Development Division PKINK who was appointed by the Ministry of Entrepreneur and Cooperative Development (MeCD) as the Secretariat of Young Entrepreneurs (PUM) at the Kelantan State level has successfully implemented the program to train and coach of twenty four (24) units involving 12 schools in Kelantan State Education Department (JPN) and 12 secondary schools under the auspices of Yayasan Islam Kelantan (Yik).

In the context of training and guiding young entrepreneurs, a lot of introduction and extension programs were held to ensure that the entrepreneurial culture among students can be implemented successfully and growing at a proper level. Young Entrepreneur Program involved activities such as briefing and explanation to the Principals and Mentor Teachers, Board of Directors Seminar, Mentor Teacher Training and Advisory Seminar, Seminar on "Training of Trainers" (TOT) and State Level Convention and also Students

Nasional dan Program Perkhemahan Perdana Pelajar PUM. Selain daripada memberi latihan dan bimbingan melalui kursus dan seminar, pembinaan kiosk telah dilaksanakan di sembilan buah sekolah yang layak dan terpilih. Pembinaan kiosk tersebut merupakan dorongan dan kemudahan kepada para pelajar untuk menjayakan aktiviti PUM di sekolah masing-masing.

Sepanjang tahun 2008, pelbagai program peningkatan usahawan telah dilaksanakan. Ianya bermula dengan 'Start Your Own Business Program Techoprenuer' pada 19 Januari 2008, Kursus Pembinaan Laman Web dan e-Dagang pada 17-31 Januari 2008, ICT Brainstorming pada 19-20 Februari 2008, Seminar Pengusaha Bengkel Motosikal MOSVAC/SAMATA pada 27-28 Februari, Seminar Industri Sarang Burung Walet Emas pada 5 Julai 2008 dan diakhiri dengan Taklimat Pembiayaan Perniagaan PUNB Peringkat Negeri Kelantan pada 17 Julai 2008.

Selain itu, Bahagian Pembangunan Usahawan turut aktif menjalankan promosinya menerusi penyertaan dalam beberapa pameran dan ekspo keusahawanan seperti Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2008 pada 7 hingga 11 Mei 2008, Ekspo Peluang Perniagaan dan Usahasama Pelaburan pada 24 hingga 25 Mei 2008, Ekspo Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEX) pada 4 hingga 6 Jun 2008, Karnival Halal Kelantan pada 23 hingga 27 Julai 2008 dan diakhiri MAHA 2008 pada 11 hingga 23 Ogos 2008.

Prime Camping Program for PUM. Apart from providing training and guidance through courses and seminars, construction of the kiosks had been implemented in nine schools which were eligible and selected. Construction of the kiosk is one of the encouragement and as facilities for students to ensure the success of PUM activities in their schools.

During the year of 2008, many programs had been implemented to increase business activities. It started with 'Start Your Own Business Program Techoprenuer on January 19th, 2008. Web Page Construction and e-Commerce Course on 17th to 31st January 2008, ICT Brainstorming on 19th-20th February 2008, Workshop Seminar on Motorcycle Entrepreneur of MOSVAC/SAMATA on 27th-February 28th, Industri Sarang Burung Walet Emas Seminar on July 5th, 2008 and concluded with a briefing of PUNB Business Financing State Level on July 17th, 2008.

In addition, the Entrepreneur Development Division is also actively carry out promotion through participation in exhibitions and fairs of entrepreneurship such as Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2008 from 7th to 11th May 2008, Business Opportunities Expo and Joint Venture Investments on 24th to May 25th, 2008, Small Industry and Medium Enterprises Expo (SMIDEX) on 4th to 6th June 2008, Kelantan Halal Carnival on 23rd to July 27th, 2008 and ended with MAHA 2008 on 11th to August 23rd, 2008.

BAHAGIAN PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (MIS) DIVISION OF MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (MIS)

Pengurusan Sistem Maklumat menjadi salah satu agenda penting bagi PKINK dalam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan. Bahagian MIS juga bertanggungjawab dalam menyediakan khidmat kemudahan IT kepada PKINK dan Syarikat Anak. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 ialah:

- i. **Pembangunan Semula Laman Web PKINK**
Memaparkan reka bentuk baru dengan penambahbaikan aplikasi serta fasiliti ICT. Terdapat beberapa fasiliti internet seperti laman Forum, Blog dan Whiteboard.
- ii. **Penaiktarafan Sistem Komputer dan Sistem Rangkaian Secara Berperingkat**
Program menaiktaraf Sistem Pengkomputeran PKINK dijalankan secara berterusan dan bahagian MIS telah membuat beberapa pembelian notebook serta desktop komputer untuk kegunaan anggota. Perolehan pada tahun 2008 ialah 6 unit notebook serta 15 unit desktop.

Management Information System became one of PKINK important agenda to improve the quality of the service. ISM Division is also responsible in providing IT facilities to PKINK and subsidiaries companies. Among the activities undertaken during the year 2008 are:

- i. **PKINK Website Redevelopment**
Displaying a new design with improved applications and ICT facilities. There are several internet facilities such as web forums, blog and Whiteboard.
- ii. **Computer system upgrades and Sistem Rangkaian Secara Berperingkat**
System upgrade for Sistem Pengkomputeran PKINK carried out continuously and the MIS has made several purchases and notebook computers and desktops to be used by members. The turnover in the year 2008 is 6 units of notebooks and 15 units of desktop.

Selain itu, bahagian MIS turut melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem rangkaian, implementasi surfguard, mengemaskini dan meningkatkan keupayaan penggunaan e-mel perbadanan, mengatasi permasalahan sistem rangkaian, menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian bagi memperkemaskan pandawaian serta pemasangan "raise floor". Pada tahun 2008 juga Bahagian MIS telah berjaya menyempumakan zon wi-fi di bangunan PKINK.

iii. **Penyelenggaraan Komputer dan Penyelenggaraan Teknikal.**

Kerja penyelenggaraan yang telah dijalankan seperti penyelenggaraan teknik Sistem Kewangan Visual Finance di PKINK dan seorang anggota bahagian MIS menjalani latihan untuk penggunaan HRMIS.

iv. **Pembangunan Sistem Aplikasi**

Pembangunan sistem aplikasi dilakukan menerusi penggunaan perisian sumber terbuka (OpenSource) untuk pemantauan projek yang dikenali sebagai DotProject telah diletakkan di laman web PKINK dan memberikan latihan pengenalan kepada sistem di kalangan anggota yang dipertanggungjawabkan kepada anggota PKINK serta anak syarikat.

v. **Latihan/Kursus IT dan sewaan Makmal Siber PKINK**

Sepanjang tahun 2008 terdapat beberapa latihan khusus diadakan kepada anggota Kumpulan PKINK seperti latihan penggunaan Adobe Photoshop kepada anggota syarikat anak PKINK serta pendedahan kepada Sistem Pemantauan Projek yang dikenali DotProject.

Selain itu, perkhidmatan sewaan Makmal Siber PKINK telah dibuka kepada pihak luar sama ada jabatan kerajaan, swasta atau individu. Pada tahun 2008, sewaan yang diterima adalah daripada Jabatan Penerangan Negeri Kelantan dan individu. Aktiviti pemasaran Makmal Siber PKINK juga dipergiatkan.

vi. **Lain-lain**

Selain daripada aktiviti di atas, kejayaan PKINK turut dicapai apabila berjaya merangka dan menyiapkan Polisi ICT PKINK dengan bantuan Abu Bakar Rajuddin & CO. Bahagian MIS juga menawarkan perkhidmatan sewaan Bahagian MIS kepada PKINK.

In addition, ISM is also carrying out works to upgrade the network system, implementation surfguard, updating and enhancing the use of corporate e-mail, overcome the network systems problems, carried out renovation works to upgrade and installing "raise floor," wiring. In 2008 MIS Department has completed the installation of wi-fi zones in PKINK building.

iii. **Computer Maintenance and Technical Maintenance**

Maintenance work was carried out, such as technical maintenance of the Financial System in PKINK Visual Finance and a member of the ISM undergone the training for the use of HRMIS.

iv. **Development Applications**

Development of the application systems is through the usage of open source software (Open Source) used to monitor the project, known as the Dot Project, has been placed on the PKINK website and provide the training to introduce the system to members and the staffs who are responsible PKINK and subsidiaries.

v. **Training / IT courses and PKINK Cyber Lab Rental**

During the year 2008, there are some specific training to members of PKINK Group held such as Adobe Photoshop training to members of PKINK subsidiaries and exposure to the Project Monitoring System, known as Dot Project.

In addition, Cyber Lab PKINK rental services have been opened to outside parties, whether government departments, private companies or individuals. In 2008, the rentals received were from the State Department of Information and individuals. PKINK Cyber Lab marketing activities were also intensified constantly.

vi. **Others**

Apart from the above activities, another successful moment was achieved when PKINK successfully develop and complete the PKINK ICT Policy with the help of Abu Bakar Rajuddin & CO. ISM Division also offers rental services to PKINK MIS division.

BAHAGIAN GALAKAN INDUSTRI DAN IKS

DIVISION OF INDUSTRY AND PROMOTION OF SMEs

Aktiviti Bahagian Galakan Industri dan IKS sepanjang 2008 lebih ditumpukan kepada kerja-kerja penjualan tanah yang masih terdapat di kawasan-kawasan perindustrian Pengkalan Chepa, serta penyewaan tapak-tapak kilang sedia bina dan kilang inkubator oleh PKINK.

Di samping mengurus penjualan dan penyewaan, bahagian ini juga memainkan peranan sebagai penasihat kepada syarikat-syarikat yang telah membina kilang di atas hartanah yang dibeli terutama dari segi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penguasa tempatan.

Sepanjang tahun 2008, Bahagian Galakan Industri dan IKS juga telah memindah milik 12 lot tanah yang telah dibeli daripada Perbadanan kepada pembeli-pembeli yang telah menjelaskan bayaran sepenuhnya. Kertas kerja permohonan tersebut telah diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Sehingga kini sebanyak 10 syarikat telah selesai mendapat kelulusan pindah milik dari MMK.

Selain itu, bahagian ini turut menyertai konvensyen pelaburan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur dalam usaha untuk menjual tapak industri baru di Taman Marin, Tok Bali, Pasir Puteh.

Activities of Division of Industry and Promotion of SMEs during 2008 were more focused on the work of the sale of land which was still available in industrial areas in Pengkalan Chepa, and rental of ready-built factory sites and incubator plants developed by PKINK.

In addition of managing the sale and rental, this division also plays a role as adviser to companies which have built plants on the property purchased, especially in terms of the conditions and regulations set by local authorities.

The 12th branch opening of the Ar-Rahn in Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur by The Chief Minister of Kelantan

5. 25-26 Jun 2008

Kem Bina Insan Kecemerlangan Solat Kumpulan PKINK, kumpulan kedua

The second group of an "Excellent in Prayer Building Camp" of KSEDC

6. 29 Julai 2008

Majlis Pelancaran 5S peringkat PKINK oleh Ketua Eksekutif PKINK

The KSEDC's 5S launching ceremony by KSEDC's CEO



1. 29 Julai 2008

PKINK menyumbangkan komputer kepada sekolah-sekolah Agama di Kelantan
KSEDC donated computers to religious schools in Kelantan

2. 30-31 Julai 2008

Kursus Kepimpinan Cemerlang Melalui Kekuatan Dalam untuk anggota pengurusan dan sokongan 1, Kumpulan PKINK
Excellent leadership courses through the internal strength to the members of management and support 1's of KSEDC group.

3. 1-5 Ogos 2008

Kelab Kebajikan Wanita KSK PKINK mengadakan lawatan ke Sabah
Women's Welfare Club of KSK PKINK organized a visited to Sabah.

4. 7 Ogos 2008

YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan telah menyampaikan sumbangan di bawah Program CSR Kumpulan PKB
Chief Minister of Kelantan YAB Tuan Guru Dato' presented a contribution under the CSR programme by PKB group

5. 9 Ogos 2008

Gotong Royong 5S peringkat PKINK
Gotong-royong 5S KSEDC level

6. 11-23 Ogos 2008

PKINK menyertai MAHA di Taman Pameran Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.
KSEDC participated in MAHA at Taman Pameran Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) in Selangor



1



2



3



4



5



6

1. 13 Ogos 2008

Pelabur dari Taiwan mengunjungi PKINK
Taiwan Investors visited KSEDC

2. 18-23 Ogos 2008

PKINK menyertai sukan GEMAPUTERA ke XII di Seremban, Negeri Sembilan
KSEDC participated in XII GEMAPUTERA Games in Seremban, Negeri Sembilan

3. 29 Ogos 2008

YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Ibu Pejabat dan Pelancaran Pelan Strategik 5 tahun SLST Sdn Bhd
Chief Minister of Kelantan YAB Tuan Guru Dato' officiated the opening of Headquarters Building and the Official launch of 5 years SLST Sdn, Bhd strategic planned

4. 31 Ogos 2008

PKINK menyertai acara perbarisan sempena perayaan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Kelantan
KSEDC participated in the Kelantan's Merdeka Day procession

5. 15-16 September 2008

PKINK menyertai lawatan Ihya Ramadhan bersama YB Dato' SUK ke perkampungan orang asli di Gua Musang
KSEDC participated in an Ihya Ramadhan visit with Kelantan State Secretary to native villages in Gua Musang

6. 10 September 2008

Majlis berbuka puasa bersama YB Dato' Timbalan Menteri Besar di Perdana Resort
Breakingfast ceremony with Deputy Chief Minister in Perdana Resort



- 1. 18 September 2008**
Anggota Kumpulan PKINK Soiat Zohor bersama YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar
Zohor prayer by KSEDC group staffs with Chief Minister YAB Tuan Guru Dato'
- 2. 25 September 2008**
Sumbangan hamper hari raya untuk anggota PKINK
KSEDC contribute Hari Raya Hamper to their staffs
- 3. 26 September 2008**
Qiamullai Perdana anggota Kumpulan PKINK di Masjid Pauh, Panji, Kota Bharu
Qiamullai Perdana of KSEDC staffs group in Masjid Pauh Panji, Kota Bharu

- 4. 19 Oktober 2008**
Majlis sambutan Hari Raya anggota Kumpulan PKINK di Tempat Letak Kereta Bangunan PKINK
KSEDC's group Hari Raya Aidilfitri celebration in car park of KSEDC building
- 5. 20 Oktober 2008**
Sumbangan zakat oleh Kumpulan PKINK sempena program Ihya Ramadhan Kerajaan Kelantan
Zakat contribution by KSEDC group in conjunction Ihya Ramadhan Programme for Kelantan
- 6. 21-22 November 2008**
PKINK menganjurkan Kejohanan Futsal Terbuka PKINK bertempat di Arena Futsal, Pengkalan Chepa, Kota Bharu
KSEDC organized an Open Futsal Championship which was held in Futsal Pengkalan Chepa, Kota Bharu
- 7. 22-23 November 2008**
PKINK menganjurkan Kejohanan Kerom Terbuka Kelantan bertempat di Dewan Perkumpulan Wanita, Kota Bharu
KSEDC organized a Kelantan Open Carom Championship which was held in Dewan Perkumpulan Wanita Kota Bharu



1. 26 November 2008

Majlis Pelancaran Pemasaran Darulnaim Autocity, Pengkalan Chepa oleh Ketua Eksekutif PKINK
The launching ceremony of Darulnaim Autocity Marketing at Pengkalan Chepa by KSEDC CEO

2. 27-29 November 2008

PKINK menganjurkan Kejohanan Badminton Jemputan PKINK bertempat di Dewan Badminton PBNK, Kota Bharu
KSEDC organized a badminton tournament, located at PBNK Badminton Hall, Kota Bharu

3. 1 Disember 2008

Haji Mohd Sabri Abdullah dilantik Ketua Eksekutif baru bagi menggantikan Haji Wan Yahya Wan Salleh yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 30 November 2008
Haji Mohd Sabri Abdullah was appointed as a new CEO to replace Haji Wan Yahya Wan Salleh who completed the services period on 30th November 2008

4. 11-13 Disember 2008

Lawatan sambil belajar Program 5S anggota PKINK ke Pulau Pinang
A visit to Penang by KSEDC staffs for the 5S program

5. 20 Disember 2008

Ceramah sempena menyambut Hari Raya Korban oleh YBhg. Dato' Hj. Tuan Ibrahim Tuan Man
Talk on Hari Raya Korban by YBhg. Dato' Haji Tuan Ibrahim Tuan Man

6. 23 Disember 2008

Majlis Solat Hajat sempena pembinaan Perumahan Kurnia Jaya Fasa 5A, Pengkalan Chepa, Kota Bharu
Solat hajat ceremony in conjunction with the successful provision of 5A phase Kurnia Jaya housing construction

MAKLUMAT OPERASI & KEWANGAN

OPERATION AND FINANCIAL HIGHLIGHTS

KUMPULAN PKINK *KSEDC GROUP*
 (Perbandingan 2007-2008: Pendapatan)
 (Comparison 2007- 2008: Income)




PERBADANAN *CORPORATION*
 (Perbandingan 2007-2008: Pendapatan)
 (Comparison 2007-2008: Income)



PERBADANAN CORPORATION
 (Perbandingan 2007-2008: Perbelanjaan)
 (Comparison 2007-2008: Expenditures)



KUMPULAN PKINK KSEDC GROUP
 (Perbandingan 2007-2008: Perbelanjaan)
 (Comparison 2007-2008: Expenditures)




KUMPULAN PKINK 2008 *KSEDC GROUP 2008*
(Sumbangan Sektor Kepada Pendapatan)
(Sectorial Contribution 2008)



KUMPULAN PKINK 2007 *KSEDC GROUP 2007*
(Sumbangan Sektor Kepada Pendapatan)
(Sectorial Contribution 2007)



KUMPULAN PKINK *KSEDC GROUP*
(Perbandingan Prestasi 2007-2008)
(Comparative Performance 2007-2008)



PERBADANAN *CORPORATION*
(Perbandingan Prestasi 2007-2008)
(Comparative Performance 2007-2008)





PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENT



Jabatan Audit Negara
Malaysia

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

*CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL ON
THE FINANCIAL STATEMENT OF KELANTAN STATE ECONOMIC
DEVELOPMENT CORPORATION
FOR THE YEAR ENDED
31st DECEMBER 2008*

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**
AUDITOR GENERAL MALAYSIA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
ON THE FINANCIAL STATEMENT OF
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
FOR THE YEAR ENDED 31st DECEMBER 2008

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

The financial statement of Kelantan State Economic Development Corporation and the Group for the year ended 31st December 2008 have been audited by my representative. This financial statement is the responsibility of Kelantan State Economic Development Corporation's management. My responsibility is to audit and give an opinion on this financial statement.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah samada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

The audit has been conducted in accordance with the Audit Act 1957 and guided by approved auditing standards. The standards require the audit to be planned and performed to obtain reasonable assurance as to whether the financial statement is free of material error or omission. The audit includes examining the records on a test basis, verifying evidence supporting the amounts and ensuring adequate disclosures in the Financial Statement. The audit also includes assessing the accounting principles used, significant projections by management and the overall Financial Statement presentation. I believe the audit performed provides a reasonable basis for my opinion.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan pada 31 Disember 2008 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

In my opinion, the Financial Statement give a true and fair view of the financial position of Kelantan State Economic Development Corporation and the Group as at 31st December 2008, its operating results and the cash flow for the year based on the approved accounting standards.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan yang telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

I have considered the Financial Statement and the audit reports for all the subsidiaries not audited by me as stated in the Notes to the Consolidated Financial Statement. I am satisfied that the said Financial Statement had been consolidated with the Financial Statement of Kelantan State Economic Development Corporation are in a form and content appropriate and proper for the purposes of preparing the consolidated Financial Statements. I have also received satisfactory information and explanation required for those purposes.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

The auditors report on those subsidiaries financial statement does not contain any qualification that can effect the consolidated financial statement.


(DATO' HAJI ANWARI BIN SURI)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
AUDITOR GENERAL
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 OKTOBER 2009



PENYATA OLEH PENGARAH
STATEMENT BY DIRECTORS

'Kami, **DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT** dan **DATUK HAJI RAMELI BIN MUSA** yang merupakan pengerusi dan seorang daripada Ahli Lembaga **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Aliran Tunai Perbadanan dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan dan Kumpulan pada 31 Disember 2008.

*We, **DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT** and **DATUK HAJI RAMELI BIN MUSA** being the chairman and one of the directors of **KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION**, state that in the opinion of the Board of Directors, the Balance Sheet, Profit/ (Loss) Statement, Changes In Equity Statement, Cash Flow Statement, and the notes to them are drawn up to give a true and fair view on the position of KSEDC as at 31st December 2008.*

Bagi Pihak Lembaga :



YAB TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT



YBHG DATUK HAJI RAMELI BIN MUSA

}
} **PENGARAH**
} **DIRECTOR**
}

Bertarikh : **25 JUN 2009**
KOTA BHARU

AKUAN BERKANUN
STATUTORY DECLARATION

Saya **HAJI MOHD SABRI BIN ABDULLAH (KP : 530502 - 03 - 5069)**, beralamat **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat Akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

I, HAJI MOHD SABRI BIN ABDULLAH (KP : 530502-03-5069), address at PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN, do solemnly and sincerely declare that the Balance Sheet, Profit (Loss) Statement, Changes In Equity and Cash Flow Statement, and the notes to them, to the best knowledge and belief are correct and I made this solemn declaration consciously believing the same to be true by virtue of the statutory Declaration Act, 1960

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu

Di Kota Bharu

Di Negeri Kelantan

Pada 25 haribulan JUN 20 09



HAJI MOHD SABRI BIN ABDULLAH

di hadapan saya, *in my presence*

(Tandatangan Hakim, Mahkamah Sesyen, Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)



NO. 2531-B, TINGKAT SAJU
JALAN PADANG GARONG,
15000 KOTA BHARU, KELANTAN.
WP: 013 320 4510 TELIFAX: 09-748 6614

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

LEMBARAN-LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2008
BALANCE SHEETS AS AT 31st DECEMBER 2008

	NOTA NOTE	KUMPULAN GROUP		PERBADANAN CORPORATION	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN <i>PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT</i>	3	258,069,498	248,545,639	84,286,878	74,707,061
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI <i>INVESTMENT IN SUBSIDIARIES</i>	4	1	5	80,053,821	80,053,825
PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU <i>INVESTMENT IN ASSOCIATES</i>	5	1,362,737	1,158,950	7,740,000	7,740,001
PINJAMAN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI <i>LOAN TO SUBSIDIARIES</i>	6	-	-	1,393,920	2,787,840
LAIN-LAIN PELABURAN <i>OTHER INVESTMENTS</i>	7	2,218,970	2,223,098	32,590	32,590
PERBELANJAAN PENANAMAN <i>PLANTING EXPENDITURES</i>	8	85,652,082	81,482,996	-	-
TANAH UNTUK PEMBANGUNAN <i>LAND HELD FOR DEVELOPMENT</i>	9	41,249,442	45,527,481	-	-
ASET SEMASA <i>CURRENT ASSETS</i>					
Pinjaman oleh syarikat subsidiari <i>Loan to subsidiaries</i>	6	-	-	21,541,161	29,647,241
Stok <i>Stocks</i>	10	55,357,788	42,341,515	36,079,647	27,057,229
Kerja dan tanah dalam pembangunan <i>Property development</i>		51,333,486	65,270,384	41,664,163	53,234,797
Siberhutang perniagaan <i>Trade receivables</i>	11	72,562,680	88,852,198	17,566,320	27,279,168
Terhutang oleh pelanggan bagi kerja kontrak <i>Amount due from / (to) customers for contract work</i>	12	-	4,709,741	-	-
Lain-lain siberhutang <i>Other receivables</i>	13	57,205,441	44,308,129	-	-
Pelbagai perbelanjaan terdahulu <i>Prepayments</i>	14	212,220	235,456	212,220	235,456
Pertaruhan dan deposit <i>Deposits and retentions</i>	15	42,481	42,512	42,481	42,512
Pinjaman oleh kakitangan <i>Staff loans</i>	16	1,242,660	1,401,250	1,242,660	1,401,250
Jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari <i>Amount due from subsidiaries</i>	4	-	-	84,312,562	105,618,459
Jumlah terhutang oleh syarikat bersekutu <i>Amount due from associates</i>	5	673,467	655,099	656,900	655,099
Simpanan berjangka, wang di bank dan di tangan <i>Fixed deposits, bank and cash balances</i>	17	66,985,346	48,332,700	15,870,474	3,082,844
		305,615,569	296,148,984	219,188,588	248,254,055

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan. *See the accompanying notes to the financial statements*

	NOTA NOTE	KUMPULAN GROUP		PERBADANAN CORPORATION	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
LIABILITI SEMASA <i>CURRENT LIABILITIES</i>					
Sipiutang perdagangan <i>Trade payables</i>		21,009,441	28,893,876	-	-
Lain-lain sipiutang <i>Other payables</i>		37,841,674	32,504,571	1,498,494	1,512,362
Jumlah terhutang kepada kerajaan negeri <i>Amount due to state government</i>	18	11,028,233	12,511,193	11,028,233	12,511,193
Pertaruhan dan pendahuluan diterima <i>Deposits & Retentions Received</i>		18,223,557	33,436,248	17,688,688	27,901,379
Pinjaman kerajaan pusat <i>Federal government loans</i>	19	18,731,112	9,383,942	18,731,112	9,383,942
Pinjaman kerajaan negeri <i>State government loans</i>	20	26,524,496	31,524,496	26,524,496	31,524,496
Peruntukan cukai <i>Provision for taxation</i>		(969,739)	(799,622)	(2,840,785)	(1,773,232)
Overdraf bank <i>Bank Overdrafts</i>	21	4,625,763	7,593,992	-	1,969,538
Jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu <i>Amount due to associates</i>	5	-	2,157	-	-
Pemiutang sewabeli <i>Hire purchase creditors</i>	22	13,188,103	4,733,106	-	-
Pinjaman berjangka <i>Term loans</i>	23	15,844,632	10,748,065	272,850	463,282
Dividen dicadangkan <i>Proposed dividend</i>		2,046,500	743,789	-	-
		<u>168,093,772</u>	<u>171,275,813</u>	<u>72,903,088</u>	<u>83,492,960</u>
ASET SEMASA BERSIH <i>NET CURRENT ASSETS</i>		<u>137,521,797</u>	<u>124,873,171</u>	<u>146,285,500</u>	<u>164,761,095</u>
		<u>526,074,527</u>	<u>503,811,340</u>	<u>319,792,709</u>	<u>330,082,412</u>
Dibiayai oleh: <i>Financed by:</i>					
SUMBANGAN KERAJAAN <i>GOVERNMENT CONTRIBUTIONS</i>	24	1,400,000	1,400,000	1,400,000	1,400,000
REZAB <i>RESERVES</i>	25	196,086,313	198,509,143	64,885,278	71,259,065
LIABILITI CUKAI TERTUNDA <i>DEFERRED TAX LIABILITIES</i>	26	197,486,313	199,909,143	66,285,278	72,659,065
PINJAMAN KERAJAAN PUSAT JANGKA PANJANG <i>FEDERAL GOVERNMENT LONG-TERM LOANS</i>	19	10,012,105	351,314	269,278	269,278
PEMIUTANG SEWABELI <i>HIRE PURCHASE CREDITORS</i>	22	222,369,647	230,870,389	222,369,647	230,870,389
PINJAMAN BERJANGKA <i>TERM-LOANS</i>	23	18,421,602	15,215,253	-	-
GERAN DITERIMA <i>GRANTS RECEIVED</i>	23	36,694,954	21,774,716	2,656,417	2,742,375
KEPENTINGAN MINORITI <i>MINORITY INTERESTS</i>		28,212,089	23,541,305	28,212,089	23,541,305
GANJARAN PERSARAAN <i>RETIREMENT BENEFITS</i>	27	10,785,586	9,949,023	-	-
		2,092,231	2,200,197	-	-
		<u>526,074,527</u>	<u>503,811,340</u>	<u>319,792,709</u>	<u>330,082,412</u>

Silalah lihat nota-nota kepada penyata kewangan. *See the accompanying notes to the financial statements*

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
INCOME STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31st DECEMBER 2008

	NOTA NOTE	KUMPULAN GROUP		PERBADANAN CORPORATION	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
Hasil <i>Revenue</i>	28	224,302,038	240,267,808	15,933,110	20,142,449
Kos jualan <i>Cost of sales</i>		(155,856,409)	(155,283,935)	(2,426,064)	(4,012,588)
Untung kasar <i>Gross Profit</i>		68,445,629	84,983,873	13,507,046	16,129,861
Belanja mengurus dan kendalian <i>Administrative and operational expenses</i>	29	(67,742,473)	(55,426,627)	(19,122,391)	(15,858,764)
Lain-lain pendapatan <i>Other incomes</i>	30	22,609,082	14,575,943	3,810,210	9,494,536
Keuntungan/(kerugian) kasar dari operasi <i>Result from operating activities</i>		23,312,238	44,133,189	(1,805,135)	9,765,633
Belanja kewangan <i>Finance Costs</i>	31	(3,473,469)	(2,692,022)	(1,096,695)	(1,185,341)
Perkongsian kerugian syarikat bersekutu <i>Share of result of associates</i>		-	(531,112)	-	-
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai <i>Profit/(loss) before tax</i>		19,838,769	40,910,055	(2,901,830)	8,580,292
Cukai <i>Tax expenses</i>	32	(13,409,545)	(5,024,317)	-	(1,853,571)
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai <i>Profit/(loss) after tax</i>		6,429,224	35,885,738	(2,901,830)	6,726,721
Kepentingan minoriti <i>Minority interests</i>		(350,183)	(1,140,520)	-	-
Keuntungan/(kerugian) dalam tahun <i>Profits/(loss) for the year</i>		6,079,041	34,745,218	(2,901,830)	6,726,721

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan. *See the accompanying notes to the financial statements*

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
CONSOLIDATED STATEMENT OF CHANGES IN EQUITY
FOR THE YEAR ENDED 31st DECEMBER 2008

KUMPULAN GROUP		Sumbangan Kerajaan Government Contributions	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul Accumulated Profits/(Losses)	Rezab Penilaian Semula Revaluation Reserve	Simpanan Modal Capital Reserve	Premium Syer Share Premium	Jumlah Total
	NOTA NOTE	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2007 <i>As at 1st January 2007</i>		1,400,000	44,218,470	122,301,065	611,672	169,227	168,700,434
Keuntungan dalam tahun <i>Profit for the year</i>		-	34,745,218	-	-	-	34,745,218
Dividen <i>Dividend</i>		-	(516,595)	-	-	-	(516,595)
Kekurangan dalam tahun <i>Reduction for the year</i>	25	-	-	(3,019,914)	-	-	(3,019,914)
Pada 31 Disember 2007 <i>As at 31st December 2007</i>		1,400,000	78,447,093	119,281,151	611,672	169,227	199,909,143
Pelarasan tahun terdahulu <i>Prior year adjustments</i>	33	-	(3,471,957)	-	-	-	(3,471,957)
Baki 1 Januari 2008 (Dinyatakan semula) <i>As at 1st January 2008 (As restated)</i>		1,400,000	74,975,136	119,281,151	611,672	169,227	196,437,186
Keuntungan dalam tahun <i>Profit for the year</i>		-	6,079,041	-	-	-	6,079,041
Dividen <i>Dividend</i>		-	(2,010,000)	-	-	-	(2,010,000)
Kurangan dalam tahun <i>Reduction for the year</i>	25	-	-	(3,019,914)	-	-	(3,019,914)
Pada 31 Disember 2008 <i>As at 31st December 2008</i>		<u>1,400,000</u>	<u>79,044,177</u>	<u>116,261,237</u>	<u>611,672</u>	<u>169,227</u>	<u>197,486,313</u>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan. *See the accompanying notes to the financial statements.*

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
STATEMENT OF CHANGES IN EQUITY
FOR THE YEAR ENDED 31st DECEMBER 2008

PERBADANAN CORPORATION		Sumbangan Kerajaan Government Contributions	Keuntungan Terkumpul Accumulated Profit	Jumlah Total
	NOTA NOTE	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2007 <i>As at 1st January 2007</i>		1,400,000	64,532,344	65,932,344
Keuntungan dalam tahun <i>Profit for the year</i>		-	6,726,721	6,726,721
Pada 31 Disember 2007 <i>As at 31st December 2007</i>		1,400,000	71,259,065	72,659,065
Pelarasan tahun terdahulu <i>Prior year adjustments</i>	33	-	(3,471,957)	(3,471,957)
Baki 1 Januari 2008 (Dinyatakan semula) <i>Balance at 1st January 2008 (As restated)</i>		1,400,000	67,787,108	69,187,108
Kerugian dalam tahun <i>Loss for the year</i>		-	(2,901,830)	(2,901,830)
Pada 31 Disember 2008 <i>As at 31st December 2008</i>		<u>1,400,000</u>	<u>64,885,278</u>	<u>66,285,278</u>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan. *See the accompanying notes to the financial statements*

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008
CASH FLOWS STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2008

	NOTA NOTE	KUMPULAN GROUP		PERBADANAN CORPORATION	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi <i>Cash Flows From Operating Activities</i>					
Keuntungan/(kerugian) sebelum kerugian luarbiasa dan cukai <i>Gain/(loss) before extra ordinary loss and taxation</i>		19,838,769	40,910,055	(2,901,830)	8,580,292
Pelarasan untuk <i>Adjustment for:</i> Susutnilai hartanah, loji dan peralatan <i>Depreciation of property, plant and equipment</i>		10,345,392	9,559,196	2,318,811	2,196,617
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan <i>Gain on disposal of property, plant and equipment</i>		(8,799,970)	(4,311,143)	(455,469)	(3,457,191)
Perbelanjaan faedah <i>Interest expense</i>		2,695,468	2,136,121	1,096,695	1,185,341
Hutang lapuk dan hutang ragu pulih kembali <i>Bad and doubtful debts written back</i>		(2,370,567)	-	(2,357,953)	-
Peruntukan rosotnilai saham pulih kembali <i>Reversal in provision for diminution in shares value</i>		(558,685)	(63,912)	-	-
Peruntukan hutang ragu <i>Provision for doubtful debts</i>		2,137,196	837,902	1,582,668	246,050
Hapuskira hutang ragu <i>Written off doubtful debts</i>		994,682	-	-	-
Faedah pinjaman <i>Interest on borrowings</i>		608,232	512,141	-	-
Faedah diterima <i>Interest received</i>		(756,694)	(427,337)	(96,147)	(49,226)
Diskaun diterima <i>Discount received</i>		-	(377)	-	-
Kesan dari subsidiari yang tidak disatukan <i>Effect from subsidiaries not consolidated</i>		(2,674,862)	-	-	-
Pelunasan perbelanjaan penanaman <i>Amortisation of planting expenditure</i>		1,310,060	1,966,962	-	-
Pelunasan geran kerajaan <i>Amortisation of government grants</i>		(372,815)	(1,333,190)	(372,815)	(1,333,190)
Peruntukan rosotnilai pelaburan <i>Provision for diminution in value of investments</i>		365,678	-	-	-
Perkongsi kerugian syarikat bersekutu <i>Share of losses in associates</i>		-	531,112	-	-
Keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja <i>Operating profit/(loss) before working capital changes</i>		22,761,884	50,317,530	(1,186,040)	7,368,693
(Peningkatan)/penurunan dalam siberhutang <i>(Increase)/ Decrease in trade receivables</i>		(3,141,678)	(26,494,152)	9,901,405	(2,949,488)
Penurunan/(peningkatan) dalam stok <i>Decrease/(Increase) in stocks</i>		22,222,088	506,409	(9,022,418)	2,907,893
Penurunan/(peningkatan) dalam kerja dalam pembangunan <i>Decrease/(Increase) in work in progress</i>		12,249,297	4,702,355	11,570,634	(332,254)
Peningkatan/(penurunan) dalam sipiutang <i>(Increase)/ Decrease in trade payables</i>		5,771,257	2,570,064	(2,552,781)	(6,145,939)
Tunai dijana dari aktiviti operasi <i>Cash generated from operating activities:</i>		59,862,848	31,602,206	8,710,800	848,905

Cukai dibayar <i>Income tax paid</i>	(5,474,062)	(5,532,344)	(2,560,000)	(2,000,000)
Dividen diterima dibayar <i>Interim dividend paid</i>	-	(505,645)	-	-
Diskaun diterima <i>Discount received</i>	-	377	-	-
Faedah diterima <i>Interest received</i>	448,583	278,295	89,990	49,226
Faedah dibayar <i>Interest paid</i>	(1,439,468)	(2,357,597)	(230,590)	(1,185,341)
Tunai bersih dijana dari/(digunakan dalam) aktiviti operasi <i>Net cash generated from/(used in) operating activities</i>	53,397,901	23,485,292	6,010,200	(2,287,210)

Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan
Cash Flows From Investment Activities

Pembelian hartanah, loji dan peralatan <i>Purchase of property, plant and equipment</i>	(24,741,185)	(18,958,910)	(1,041,912)	(914,363)
Faedah diterima <i>Interest received</i>	230,973	108,045	-	-
Terimaan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan <i>Proceeds from disposal of property, plant and equipment</i>	32,090,598	8,676,397	5,860,527	200
Tunai bersih dari subsidiari yang tidak disatukan <i>Net cash from deconsolidation of subsidiary</i>	(2,471)	-	-	-
Perbelanjaan penanaman <i>Plantation expenditure</i>	(8,499,060)	(4,479,441)	-	-
Tambahan dalam simpanan tetap yang dicagar <i>Increase in pledged fixed deposits</i>	1,833,452	851,423	-	-
Perbelanjaan pembangunan <i>Expenditure of land held for development</i>	(17,754,993)	(12,037,122)	(16,092,991)	-
Tunai bersih subsidiari yang disatukan <i>Net cash from consolidated subsidiary</i>	-	493,254	-	-
Pembelian saham syarikat bersekutu <i>Purchase of shares in associates</i>	-	(593,888)	-	-
Pelaburan dalam lain-lain pelaburan <i>Purchase of other investment</i>	(4,870,042)	(844,252)	-	-
Penerimaan pelaburan dana <i>Proceeds from investment fund</i>	70,981	40,997	-	-
Pendahuluan kepada syarikat subsidiari <i>Advances to subsidiaries</i>	-	-	(490,000)	(1,446,601)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan <i>Net cash (used in) generated from investing activities</i>	(21,641,747)	(26,943,497)	(11,764,376)	(2,360,764)

	NOTA NOTE	KUMPULAN GROUP		PERBADANAN CORPORATION	
		2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan <i>Cash Flows From Financing Activities</i>					
Terimaan dari pinjaman berjangka <i>Proceeds from term loans</i>		6,356,225	6,422,577	3,449,307	-
Bayaran kepada pemiutang sewabeli <i>Payment to hire purchase creditors</i>		(384,925)	(323,828)	-	-
Pendahuluan daripada Perbadanan Nasional Berhad <i>Advance from Perbadanan Nasional Berhad</i>		-	5,200,000	-	-
Bayaran balik pinjaman kerajaan negeri <i>Repayment of state government loan</i>		(5,000,000)	(3,000,000)	(5,000,000)	(3,000,000)
Bayaran balik pinjaman berjangka <i>Repayment of term loans</i>		(15,686,990)	(7,500,651)	(3,725,697)	(123,105)
Bayaran pinjaman kerajaan pusat <i>Payment of federal government loans</i>		-	-	-	-
Bayaran kepada kerajaan negeri <i>Payment to state government</i>		(444,270)	(4,516,805)	(444,270)	(4,516,805)
Terimaan dari bayaran balik pendahuluan syarikat subsidiari <i>Proceeds from repayment of advances to subsidiaries</i>		-	-	21,038,304	6,668,160
Terimaan dari geran kerajaan <i>Proceeds from government grants</i>		5,193,700	6,329,072	5,193,700	6,329,072
Terimaan dari pembiayaan kos pembangunan <i>Proceeds from development cost financing</i>		-	15,000,000	-	-
Bayaran dividen <i>Dividen payment</i>		(2,000,000)	-	-	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana dari aktiviti pembiayaan <i>Net cash generated / (used in) from financing activities</i>		(11,966,260)	17,610,365	20,511,344	5,357,322
Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai <i>Net increase in cash and cash equivalents</i>		19,789,894	14,152,160	14,757,168	709,348
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun <i>Cash and cash equivalents at beginning of financial year</i>		37,349,416	23,197,256	813,306	103,958
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun <i>Cash and cash equivalents at end of financial year</i>	17	57,139,310	37,349,416	15,570,474	813,306

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan. *See the accompanying notes to the financial statements*

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2008
NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS AS AT 31st DECEMBER 2008

1. AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM
PRINCIPAL ACTIVITIES AND GENERAL INFORMATION

Perbadanan telah ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri dengan tujuan membangunkan sosio ekonomi Negeri berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan-kegiatan utama Perbadanan adalah membangunkan tanah-tanah untuk perindustrian, pertanian, hartanah dan pelaburan saham.

The Corporation was established under the State Enactment with the aim to develop the Kelantan state's socio-economic activities based on the New Economic Policy (NEP). It is principally engaged in developing the lands for industrial, agricultural, properties and investments in shares.

Kegiatan utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan di Nota 4 dan 5 kepada penyata kewangan ini.

The principal activities of the subsidiaries and associates are as stated in Notes 4 and 5 to the financial statements.

Alamat pejabat berdaftar dan alamat perniagaan Perbadanan adalah di Tingkat 7-11, Bangunan PKINK, Peti Surat 142, Jalan Tengku Maharani, 15710 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

The business and registered office address of the Corporation is at the 7th - 11th Floor, KSEDC Building, P.O. Box 142, Jalan Tengku Maharani, 15710 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Penyata kewangan ini telah disediakan di dalam matawang Ringgit Malaysia.

All amounts shown are in Ringgit Malaysia.

Penyata kewangan ini telah dilulus untuk diterbitkan oleh Ahli Lembaga Perbadanan pada 25 Jun 2009.

The financial statements were authorised for issue by the Board of Directors of the Corporation on 25th June 2009.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING
SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan dengan mematuhi kehendak-kehendak Piawaian-Piawaian Pelaporan Kewangan ("Financial Reporting Standards") dan kesemua dasar-dasar perakaunan penting yang digunakan adalah selaras dengan yang digunakan di tahun-tahun sebelumnya seperti:-

The financial statements of the Group and the Corporation are prepared in compliance of the Financial Reporting Standards and all significant accounting policies are consistent with those applied in the previous years such as:-

FRS 136	-	Penyusutan aset <i>impairment of assets</i>
FRS 112	-	Cukai pendapatan <i>income taxes</i>
FRS 119	-	Manfaat kakitangan <i>employee benefits</i>
FRS 139	-	Instrumen kewangan <i>financial instruments</i>

a) **Asas Perakaunan *Basic Of Accounting***

Penyata kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan diubahsuai dengan penilaian semula tanah dan bangunan. Penyediaan penyata kewangan ini adalah mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

The financial statements of the Group and the Corporation are prepared on the historical cost basis with the exception of revaluations on land and buildings. The preparation of the financial statements is in compliance with applicable approved accounting standards in Malaysia.

b) **Asas Penyatuan *Basis of Consolidation***

Penyata kewangan Kumpulan menyatukan penyata kewangan Perbadanan dan syarikat-syarikat subsidiari yang disediakan hingga akhir tahun kewangan kecuali untuk penyata kewangan syarikat subsidiari seperti dinyatakan di Nota 4 kepada penyata kewangan. Urusniaga di antara syarikat-syarikat subsidiari dengan Perbadanan telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Perbezaan di antara kos pelaburan dan nilai asas bersih syarikat subsidiari diambilkira di dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibbah atau rezab dari penyatuan.

The consolidated financial statements include the financial statements of the Corporation and of its subsidiaries which made up to the end of the financial year except for the financial statements of the subsidiaries as stated in Note 4 to the financial statements. Intra group transactions are eliminated on consolidation and consolidated financial statements reflect external transactions only. The difference between the investment cost and the fair values of the subsidiaries' net assets was reflected in the consolidated balance sheet as goodwill or reserves on consolidation.

Syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Perbadanan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk mendapatkan faedah daripada aktiviti syarikat tersebut.

Subsidiaries are those companies in which the Corporation has the power directly or indirectly to exercise control over the financial and operating policies so as to obtain benefits from their activities.

c) **Syarikat Bersekutu *Associates***

Syarikat bersekutu adalah syarikat dimana Perbadanan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20% hingga 50% dan mengambil peranan penting didalam menentukan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu itu.

Associates are those companies in which the Corporation has long-term equity interest ranging from 20% to 50% and significant influence over the financial and operating activities of those enterprises.

d) **Hartanah, Loji dan Peralatan *Property, Plant and Equipment***

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos dan penilaian semula ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian atas rosotnilai aset. Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas dan tanah pajakan kerana kos tanah tersebut akan dijadikan sebahagian dari kos projek.

Property, plant and equipment are stated at cost/valuation less accumulated depreciation and accumulated impairment losses. No depreciation is charged on freehold and leasehold land, as those costs will be recognised as part of the project cost.

Bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain, susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan harta berkenaan. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

All other property, plant and equipment are depreciated on a straight-line basis so as to write off their cost or valuation over the expected useful lives of the assets concerned. The principal annual rates are as follows:

Bangunan <i>Buildings</i>	%
Ubahsuaian <i>Renovations</i>	2
Peralatan komputer <i>Computers</i>	10
Loji, jentera dan alatan besar <i>Plant, machineries and heavy equipment</i>	33 1/3
Perabot dan kelengkapan <i>Furniture and fittings</i>	15
Alatan pejabat <i>Office equipment</i>	20
Kenderaan <i>Motor vehicles</i>	20
Lain-lain harta <i>Other assets</i>	20

Penilaian semula ke atas tanah dan bangunan milik salah satu syarikat subsidiari, Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. dibuat sekurang-kurangnya setiap lima tahun sekali oleh jurunilai profesional bebas berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan dari penilaian dikreditkan kepada lebih penilaian semula, sebarang pengurangan akan diselaraskan dengan pertambahan dari penilaian awal bagi kategori hartanah, loji dan peralatan yang sama dan selebihnya dikenakan kepada penyata pendapatan.

The revaluation of land and buildings owned by one of the subsidiaries, Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. is undertaken every five years by an independent professional valuer based on the open market value. Surplus arising from revaluation is credited directly to revaluation reserves. Any decrement will be adjusted against the surplus of earlier revaluation of the same property, plant and equipment and any excess will be charged into the income statement.

Pihak Syarikat telah melakukan penilaian pertama ke atas tanah dan bangunan miliknya di dalam tahun 2000 dan penilaian yang kedua telah dilakukan di dalam tahun 2006. *The subsidiary has carried out its first revaluation on its land and buildings in year 2000 whilst the second revaluation was conducted in the year of 2006.*

e) Pelaburan - Jangka panjang *Long Term Investments*

Pelaburan di dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan-pelaburan lain yang dipegang untuk jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak peruntukan bagi sebarang penurunan nilainya yang kekal. Peruntukan rosot nilai akan dibuat apabila pengarah-pengarah menganggap bahawa penurunan nilai pelaburan adalah bersifat berkekalan.

Investments in subsidiaries, associates and other long term investments are stated at cost less provisions for any permanent diminution in value. A provision will be made when the directors are of the opinion that such diminution in value is permanent.

f) Kerja-karya Dalam Perlaksanaan *Work In Progress*

Kerja dalam perlaksanaan terdiri dari kos tanah dan perbelanjaan langsung yang terlibat untuk projek-projek pembangunan harta dan termasuk bayaran faedah ke atas pinjaman yang diperolehi untuk membiayai projek-projek tersebut.

The work in progress comprised of land cost and all related direct expenditure of the development projects and also include the finance cost on loans taken up to finance the projects concerned.

g) Perbelanjaan penanaman *Planting expenditure*

Perbelanjaan penanaman getah dan kelapa sawit dan lain-lain perbelanjaan tidak langsung dalam kawasan-kawasan yang belum matang telah dipermodalkan sebagai ladang belum matang.

All rubber and oil palm planting expenditure and other indirect expenses in immature estates have been capitalised as immature estates.

Perbelanjaan penanaman dinyatakan pada penilaian setelah ditolak pelunasan terkumpul. Penilaian semula dibuat sekurang-kurangnya satu kali setiap lima tahun oleh jurunilai profesional bebas berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan dari penilaian dikreditkan kepada lebih penilaian semula dan sebarang pengurangan akan diselaraskan dengan pertambahan dari penilaian awal bagi kategori perbelanjaan penanaman yang sama dan selebihnya dikenakan kepada penyata pendapatan.

Planting expenditure has been stated at revalued amount less accumulated amortisation. Revaluation will be carried out once in every five years by an independent professional valuer based on open market value. Any increment from revaluation will be credited to revaluation surplus and any decrement will be adjusted to the increment of earlier revaluation of the same planting expenditure category and the excess will be charged to income statement.

Pelunasan atas ladang getah matang diambilkira dengan menghapuskan kos dalam tiga puluh tahun selepas ladang tersebut diisytiharkan matang.

Amortisation of the rubber mature estate is to write off the cost over a thirty-year period after the estate has been declared matured.

Pelunasan atas ladang kelapa sawit matang diambilkira dengan menghapuskan kos dalam dua puluh lima tahun selepas ladang tersebut diisytiharkan matang.

Amortisation of the oil palm mature estate is to write off the cost over a twenty-five-year period after the estate has been declared matured.

h) **Pengiktirafan Hasil *Revenue Recognition***

i) **Pendapatan Dari Jualan Barang dan Perkhidmatan *Revenue From The Sales of Goods and Provisions of Services***

Pendapatan dari jualan diambilkira, setelah ditolak diskaun, apabila barangan dihantar dan diterima oleh pelanggan dan apabila perkhidmatan telah diberi.

Revenue from the sales of goods is recognised, net of discount, when the goods have been delivered and received by customers and when the services have been provided.

ii) **Pendapatan Sewaan *Rental Income***

Pendapatan dari sewaan diiktiraf secara akruan.

Rental income is recognised on an accrual basis.

iii) **Pendapatan Dividen *Dividend Income***

Pendapatan dividen diiktiraf apabila ianya diterima.

Dividend income is recognised when it was received.

iv) **Pendapatan Dari Kontrak Pembinaan *Income From Construction Contracts***

